# PROSEDUR OPERASI STANDARD (*STANDARD OPERATING PROCEDURE*)
# JANGKITAN 2019-nCoV

**C. Tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi warga Kementerian Pendidikan.**

| Bil. | Tindakan | Tindakan oleh | Tempoh / jangkamasa |
|---|---|---|---|
| 1. | Menubuhkan Pusat Gerakan di Peringkat Kementerian Pendidikan. | SUT | Serta-merta |
| 2. | Menubuhkan Jawatankuasa Pengawasan dan Pencegahan Jangkitan 2019-nCoV (JKPP – 2019-nCoV).<br><br>2.1 Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan sebagai Penyelaras;<br>2.2 Melantik pegawai penghubung (*focal person*) dari setiap Jabatan/ Bahagian /Unit. | Ketua Jabatan / Bahagian / Unit | Serta-merta |
| 3. | Mengedarkan Surat Pemberitahuan kepada warga Kementerian Pendidikan. | SUT | Serta-merta |
| 4. | Memberigakan maklumat, tatacara pencegahan dan pengawalan jangkitan 2019-nCoV kepada warga Kementerian Pendidikan dengan:<br><br>4.1 Mengadakan sesi taklimat oleh wakil dari Kementerian Kesihatan (mengikut kesesuaian jadual Kementerian Kesihatan);<br>4.2 Mengedaran *leaflet/brochure/posters* jangkitan 2019-nCoV (yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan);<br>4.3 Memuat naik maklumat mengenai jangkitan 2019-nCoV ke laman sesawang Kementerian Pendidikan. | DA (HSE) / MOH | Secara berterusan |
| 5. | Mengadakan aktiviti-aktiviti keugamaan seperti:<br>5.1 Membaca doa tolak bala sebelum memulakan pekerjaan di setiap jabatan/unit masing-masing;<br>5.2 Membaca zikir/doa bagi menjauhi/ mengelakkan penyakit-penyakit yang berjangkit. | Ketua Jabatan / Bahagian / Unit | Secara berterusan |

| Bil. | Tindakan | Tindakan oleh | Tempoh / jangkamasa |
|---|---|---|---|
| 6. | Menyediakan peralatan bagi pemantauan dan pencegahan penyakit seperti *non-contact infrared thermometer, mask,* sabun cecair, *hand sanitizer, electrical hand dryer* dan *disposable paper hand towel.* | DA / NDMC | Serta-merta |
| 7. | Menyediakan Buku Catatan Kesihatan (*Logbook*) untuk mencatat satus kesihatan warga Kementerian Pendidikan.<br>7.1 Nama, jawatan, nombor telefon bimbit dan alamat rumah;<br>7.2 Tarikh dan jam;<br>7.3 Simptom (suhu badan di atas paras normal dan nyatakan berapa °C/ batuk/ sakit perut dan cirit-birit).<br><br>Antara salah satu simptom-simptom jangkitan tersebut adalah:<br>1. Batuk;<br>2. Selesma;<br>3. Sakit tekak;<br>4. Sakit kepala;<br>5. Susah bernafas atau sesak nafas;<br>6. Rasa kurang sihat;<br>7. Sakit perut atau cirit-birit. | DA/ Ketua Jabatan / Bahagian / Unit | Serta-merta |
| 8. | Memastikan warga Kementerian Pendidikan sentiasa menjaga dan mengamalkan kebersihan diri dengan:<br>8.1 Mengamalkan mencuci tangan dengan air yang bersih dan sabun cecair atau bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*) sebelum makan dan selepas menggunakan tandas;<br>8.2 Mengamalkan menutup mulut dan hidung apabila batuk serta bersin, dengan menggunakan tisu dan terus buang. Setelah itu cuci tangan dengan sabun cecair atau bahan pencuci tangan (*hand sanitizer)* dan keringkan;<br>8.3 Mengelakkan dari berkongsi peralatan peribadi seperti sapu tangan, tuala dan sebagainya;<br>8.4 Menggunakan *mask* bagi mereka yang didapati mengalami salah satu simptom-simptom jangkitan. | Warga Kementerian Pendidikan | Secara berterusan |
| 9. | Melantik pengawal keselamatan/ pengawas kesihatan untuk ditempatkan (secara berjadual) di setiap bangunan/ pintu utama bagi memeriksa dan mencatat suhu badan warga Kementerian Pendidikan dan orang awam yang berurusan di Kementerian Pendidikan. | DA (Unit Kawalan Keselamatan)/ JKPP 2019-nCoV | Secara berterusan |

| Bil. | Tindakan | Tindakan oleh | Tempoh / jangkamasa |
|---|---|---|---|
| 10. | Jika:<br>10.1 **Ada mengalami salah satu simptom**, rujuk proses tindakan no. 11 & 12;<br>10.2 **Tidak ada mengalami salah satu simptom**, warga Kementerian Pendidikan bertugas seperti biasa. | Warga Kementerian Pendidikan | Secara berterusan |
| 11. | Warga Kementerian Pendidikan dinasihatkan untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan segera di Pusat Kesihatan atau klinik berdekatan. | Warga Kementerian Pendidikan | Pada hari yang sama |
| 12. | Mencatat dalam Buku Catatan Kesihatan (*Logbook*) sebelum keluar pejabat. | Warga Kementerian Pendidikan | Pada hari yang sama |

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**
**MANUAL PROSEDUR KERJA**
**CARTA ALIRAN KERJA**

**MOE/MPK/2019-nCoV**

AKTIVITI KERJA : PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN JANGKITAN 2019-nCoV
(C: Tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh warga Kementerian Pendidikan)




- Menubuhkan Pusat Gerakan Kementerian Pendidikan
- Menubuhkan Jawatankuasa Pengawasan dan Pencegahan Jangkitan 2019-nCoV / Melantik pegawai penghubung (*focal person*)
- Mengedarkan Surat Pemberitahuan
- Memberigakan maklumat, tatacara pencegahan dan pengawalan jangkitan 2019-nCoV
- Mengadakan aktiviti-aktiviti keugamaan
- Menyediakan peralatan bagi pemantauan dan pencegahan jangkitan 2019-nCoV
- Menyediakan Buku Catatan Kesihatan (*Logbook*)
- Memastikan warga Kementerian Pendidikan sentiasa menjaga dan mengamalkan kebersihan diri
- Memeriksa dan mencatat suhu badan di pintu utama bangunan Kementerian Pendidikan bagi warga Kementerian Pendidikan dan orang awam yang berurusan di Kementerian Pendidikan
- Memantau status kesihatan warga Kementerian Pendidikan

Jika mengalami salah satu simptom-simptom jangkitan.

- Dinasihatkan untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan segera di Pusat Kesihatan/klinik berdekatan
- Mencatat dalam Buku Catatan Kesihatan (*Logbook*)